



SEMINAR RUQYAH SYARIYYAH DAN PENGUBATAN NABI SIRI KE-3

Kenali Ilmu Sihir dan Sifat-Sifatnya Melalui Wahyu
Tuhan dan Sabda Nabi-Nya!

Abstrak

Dan tujuan dari penyampaian dan penjelasan risalah ini adalah untuk memperingatkan kaum muslimin agar mereka berhati-hati terhadap berbagai jalan kejahatan dan kesesatan, dan agar tampak jelas jalan orang-orang yang berbuat kejahatan.

Ustaz Awang Mohamad Haffis
institutcahayasunnahedu@gmail.com

KANDUNGAN

MUKADIMAH	2
ASAL-USUL ILMU SIHIR	4
PENGERTIAN SIHIR	5
Sihir Menurut Bahasa	5
Sihir Menurut Syariat	5
KAEDAH-KAEDAH AHLI SIHIR DALAM MENGHADIRKAN JIN	6
Tanda-Tanda Ahli Sihir	9
JENIS-JENIS ILMU SIHIR	10
1. Sihir Tafriq	10
2. Sihir Mahabbah	11
3. Sihir Gila	11
4. Sihir Hawatif	12
5. Sihir Jilb At-Tahyil	12
6. Sihir Ta'til Az-Zawwaaj	13
7. Sihir Maridh/Sakit	13
9. Sihir Rabth	14
10. Sihir 'Adamul Injab	15
CARA MENANGKAL SIHIR	15
A. Sebelum Terjadi	16
Selepas Terjadi	17
RUJUKAN	19

MUKADIMAH

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ

يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي

تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا. يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ

فَوْزًا عَظِيمًا. أَمَّا بَعْدُ؛

فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلَّ

بِدْعَةٍ ضَالَّةٌ وَكُلَّ ضَالَّةٍ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah, kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan ampun kepada-Nya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan kejelekan amalan-amalan kita, barangsiapa yang Allah beri petunjuk maka tidak ada yang dapat menyesatkannya dan barangsiapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberinya hidayah. Aku bersaksi bahwa tidak ada yang berhak diibadahi dengan benar kecuali hanya Allah semata, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahwasanya Muhammad Shallallahu alaihi wasallam adalah hamba dan utusan Allah.

“Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kalian mati kecuali dalam keadaan Islam.” (QS: Ali Imran: 102)

“Wahai manusia, bertaqwalah kepada Rabb-mu yang telah menciptakanmu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterinya, dan daripada keduanya Allah memperkembangbiakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (menggunakan) Nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain dan

(peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah menjaga dan mengawasimu.” (QS:An-Nisa:1)

“Wahai orang-orang yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan katakanlah dengan perkataan yang benar, niscaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.” (QS: Al-Ahzab:70-71)

Amma ba’du (selanjutnya):

Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah, sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad Shallallahu alaihi wasallam, seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan dalam agama, setiap yang diada-adakan adalah bid’ah dan setiap bid’ah itu sesat dan setiap kesesatan itu tempatnya di neraka.

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam semoga dilimpahkan kepada Nabi Muhammad SAW, yang tidak ada lagi nabi sesudah beliau. Amma Ba’du,

Penglibatan saya di dalam dunia ruqyah berawal ketika masih melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia. Di dalam perjalanan kerohanian yang panjang itu, saya dipertemukan dengan seorang pendakwah sunnah dan pengamal thibbun nabawi dari Yayasan Nurussunnah, Surabaya. Daripada beliau, saya mempelajari ilmu-ilmu berkenaan ruqyah dan pengubatan Nabi serta sering menyertai beliau berdakwah di sekitar kota Surabaya. Pembelajaran berkenaan ilmu ruqyah dan pengubatan Nabi tidak terhenti di situ, kemudian dilanjutkan pula dengan para pengamal perubatan Islam di Malaysia.

Ilmu berkenaan ruqyah dan pengubatan Nabi sangat perlu untuk didedahkan kepada orang awam kerana ia adalah warisan kenabian yang patut dimiliki oleh orang Islam. Risalah Sihir: Asal-Usul, Jenis dan Cara Menangkalnya ini sengaja kami tulis khusus untuk memberi kesedaran pada orang ramai berkenaan keburukan ilmu syaitan ini dan kesannya pada diri dan kehidupan. Semoga bermanfaat. Inshaa’ Allah.

Penulis,

Ustaz Awang Mohamad Haffis
(Pengasas Institut Cahaya Sunnah)
29 September 2020, Kampung Sebulan Besar.

ASAL-USUL ILMU SIHIR

Para penulis sejarah berkenaan ilmu sihir mengatakan bahawa sihir sudah lama wujud dalam peradaban manusia. Buktinya adalah melalui tulisan-tulisan, rumus-rumus, gambar-gambar dan mitos-mitos yang ditinggalkan manusia, yang ditemui di tempat-tempat pertapaan dan makam mereka. Di suatu segi, pendapat ini benar namun harus kita cermati bahawa sejarah manusia pada masa pra sejarah belum ada orang yang menuliskannya. Sejarah baru ditulis pertama kali pada lima ribu tahun yang lalu dan kita hanya memiliki pengetahuan sedikit tentangnya. Oleh sebab itu, kita tidak dapat menentukan secara pasti berkenaan sejarah ilmu sihir dan dalil yang membenarkan pendapat ini adalah firman Allah Ta'ala:

كَذٰلِكَ مَا اَتٰی اَلَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّنْ رَّسُوْلٍ اِلَّا قَالُوْا سٰحِرٌ اَوْ مَجْنُوْنٌ

Demikianlah (keadaan tiap-tiap kaum terhadap Rasulnya samalah seperti keadaan kaummu wahai Muhammad) - tidak ada seorang Rasul pun yang datang kepada kaum-kaum yang terdahulu dari mereka, melainkan ada yang berkata: "Dia adalah seorang ahli sihir, atau seorang gila". (QS. Adz-Dzaariyaat: 52)

Secara umum, nash Al-Qur'an menunjukkan bahawa semua umat manusia menuduh para rasulnya sebagai ahli sihir atau gila. Ibnu Hajar Al-Asqalani berkata, "Sihir sudah ada pada masa Nabi Nuh kerana kaumnya menuduh beliau sebagai ahli sihir; dan kisah Harut dan Marut terjadi sebelum zaman Nabi Nuh seperti yang dijelaskan Ibnu Ishaq dan lainnya".

Ibnu Hajar berkata, "Jika dikatakan ada dalil yang sharih yang menjelaskan bahawa kaum Nabi Nuh menuduhnya sebagai ahli sihir, maka pendapat ini tidak benar kerana tidak ada nash dalam Al-Qur'an yang secara tegas mengatakan hal tersebut. Tetapi jika pernyataan ini disandarkan kepada nash yang bersifat umum yang juga kami gunakan berdalil untuknya, maka hal ini benar".

Sedangkan apa yang diceritakan oleh Ibnu Ishaq berkenaan kisah Harut dan Marut yang terjadi sebelum zaman Nabi Nuh masih bersifat mungkin. Tidak kita temukan

dalil dari Al-Qur'an dan As-Sunnah yang boleh kita gunakan untuk berdalil dengannya berkenaan batasan waktu terjadinya kisah tersebut.

Apa yang mampu kita fahami, sejarah mengenai ilmu sihir merupakan sejarah yang kurang jelas dan pendapat-pendapat mengenainya juga masih bersifat subjektif. Wallahu `alam.

PENGERTIAN SIHIR

Sihir Menurut Bahasa

Di dalam bahasa Arab, sihir bermaksud segala sesuatu yang tersembunyi, lembut dan halus. Di dalam Al-Mu'jamul Wasith disebutkan, "Sihir adalah sesuatu yang sangat lembut dan halus pengambilannya".

Ibnu Mandhur berkata, "Seakan-akan ahli sihir tersebut menampakkan sesuatu yang batil dalam bentuk yang benar dan membayangkan sesuatu tidak menurut hakikat yang sebenarnya. Ahli sihir tersebut telah menyihir sesuatu dari asalnya. Bermaksud, dia telah memalingkan bentuk yang sebenarnya kepada bentuk yang lain".

Sihir Menurut Syariat

Ibnu Qudamah Al-Maqdisi berkata, "Sihir adalah buhul-buhul, mantera-mantera, jampi-jampi, samada yang dilafaz ataupun ditulis atau sesuatu yang boleh memberikan pengaruh pada badan orang yang disihir, atau hatinya, atau akalunya tanpa harus menyentuhnya. Sihir adalah sesuatu yang memiliki hakikat dan benar-benar terjadi. Di antaranya ada yang mengakibatkan kematian, penyakit, penceraian, menimbulkan kebencian atau rasa cinta diantara dua orang".

Ibnul Qayyim berkata, "Sihir terjadi disebabkan pengaruh jiwa-jiwa yang jahat yang berinteraksi dengan kekuatan alam".

Ilmu sihir adalah kesepakatan diantara ahli sihir dengan syaitan. Kesepakatan itu disertai dengan syarat bahawa ahli sihir harus melaksanakan sebahagian perbuatan yang diharamkan atau bentuk-bentuk kemusyrikan sebagai balasan terhadap ketaatan dan bantuan syaitan kepadanya dalam memenuhi segala permintaanya. Hal inilah yang disebut sebagai perjanjian syaitan. Perjanjian ini selalunya terjadi diantara ahli

sihir dengan raja jin. Semakin kafir seseorang ahli sihir maka semakin taat pula jin-jin tersebut kepadanya.

Apabila ahli sihir ingin melaksanakan sesuatu hajat, dia akan mendekati diri kepada raja jin dengan mempersembahkan mantera dan ancak¹ yang bermaksud untuk mengagungkan raja jin tersebut. Raja jin akan melayani hajatnya dengan menugaskan jin-jin yang paling dungu daripada kabilahnya sebagai khadam kepada ahli sihir tersebut. Kemudian, dia akan memanfaatkan jin tersebut untuk menjalankan tugas-tugas yang diinginkannya. Jika jin itu membantah, ahli sihir sekali lagi akan berhubung dengan raja jin dan meminta pertolongannya untuk menghukum jin tersebut.

Oleh sebab itu, hubungan diantara ahli sihir dengan khadamnya daripada bangsa jin adalah hubungan yang bersifat kebencian dan permusuhan. Jin-jin tersebut kerap menyakiti ahli sihir dengan cara mengganggu keturunan, harta benda dan lain-lainnya. Bahkan sebahagian daripada mereka terpaksa meninggalkan sihirnya demi untuk memelihara keturuna, harta dan sebagainya.

KAEDAH-KAEDAH AHLI SIHIR DALAM MENGHADIRKAN JIN

1. Bersumpah atas nama jin atau syaitan (Iqsam)

Ahli sihir akan masuk ke dalam ruangan gelap kemudian membakar kemenyan atau dupa sesuai dengan keinginannya. Jika tujuannya untuk memisah, menimbulkan permusuhan dan pecah-belah maka dia akan membakar kemenyan berbau tidak enak manakala jika tujuannya untuk pengasihian atau melepaskan sihir dari ahli sihir lain maka dia akan membakar kemenyan wangi.

Kemudian Ahli sihir akan membaca mantera-mantera yang memuja raja jin dan setelah selesai akan hadir dihadapannya sebuah bayangan berbentuk binatang atau selainnya lalu ahli sihir memerintahkan kepada jin itu untuk melakukan apa yang diinginkannya.

¹ [an.ca/] | انچق

Definisi : bekas tempat menyajikan barang-barang kpd hantu. (**Kamus Pelajar Edisi Kedua**)

2. Penyembelihan Korban Untuk Jin (Adz-Dzabh)

Ahli sihir akan menyediakan binatang dengan sifat tertentu. Binatang itu selalunya berwarna hitam kerana sangat menyukai warna hitam. Kemudian, ahli sihir akan menyembelih binatang tersebut tanpa menyebut nama Allah. Darah binatang itu akan dioles ke badan pesakit atau bangkainya akan dibuang ke tempat-tempat yang dianggap berpenunggu. Ahli sihir akan kembali ke rumah dan membaca mantera-mantera kemudian memerintahkan jin untuk melakukan apa yang diinginkannya.

3. Melakukan Penistaan (Sulfiyah)

Ahli sihir ini adalah yang paling kufur diantara semua ahli sihir dan dia memiliki sekumpulan syaitan yang siap melayani kehendaknya. Ahli sihir ini melakukan penistaan dengan cara menjadikan mushaf Al-Qur'an sebagai selipar, kemudian memakainya untuk masuk ke dalam tandas. Di dalam tandas, ahli sihir akan membaca mantera-mantera kemudian dia duduk di suatu ruangan lalu memerintahkan para jin untuk melaksanakan apa yang dikehendaknya. Ahli sihir yang menggunakan kaedah ini disyaratkan untuk melakukan sejumlah dosa besar dalam mencari keredhaan syaitan.

4. Menulis ayat-ayat Al-Qur'an Dengan Sesuatu Yang Najis (Najasah)

Ahli sihir akan menulis ayat-ayat Al-Qur'an dengan darah haid atau benda-benda najis yang lain. Kemudian dia membaca mantera-mantera sehingga datang jin yang diinginkan, lalu memerintahkan ia untuk melaksanakan apa yang diinginkannya.

5. Menulis Ayat-Ayat Al-Qur'an Dengan Cara Terbalik (Tankis)

Ahli sihir akan menulis ayat-ayat Al-Qur'an secara sonsang Kemudian dia membaca mantera-mantera sehingga datang jin yang diinginkan, lalu memerintahkan ia untuk melaksanakan apa yang diinginkannya.

6. Menyembah Bintang (Tanjim)

Cara ini disebut juga ar-rashd, karena dengan cara ini seorang ahli sihir akan memantau munculnya bintang tertentu, kemudian berbicara dengan bintang tersebut dengan membaca mantera-mantera sihir, selanjutnya membacakan mantera lain yang mengandung kesyirikan dan kekufuran kepada Allah. Setelah itu, dia melakukan beberapa gerakan -yang dia akui gerakan-gerakan itu dapat

menurunkan roh bintang-bintang- padahal sebenarnya hal itu merupakan bentuk penyembahan bintang tersebut selain dari Allah Subhanahu wa Ta'ala, meskipun orang yang melakukan gerakan tersebut tidak menyedarinya. Demikianlah ibadah sekaligus pengagungan terhadap dzat selain Allah. Pada saat itu, syaitan-syaitan akan menyambut dan menjalankan semua perintah tukang sihir terlaknat itu, sehingga dia mengira bahawa bintang itulah yang membantunya, padahal bintang itu tidak mengetahui sedikit pun mengenai hal tersebut. Para tukang sihir tersebut mengaku bahawa sihir itu tidak akan boleh diubahi kecuali jika bintang itu muncul, lagi pada waktu yang lain. Di sana terdapat beberapa bintang yang tidak muncul, kecuali sekali dalam setahun, sehingga mereka harus menunggu kemunculannya, dan setelah muncul baru mereka akan membaca mantera-mantera yang meminta pertolongan kepada bintang untuk menghilangkan sihir tersebut.²

7. Melihat Sesuatu Melalui Tapak Tangan (Al -Kaff)

Dalam cara ini, tukang sihir akan menghadirkan seorang anak kecil yang belum baligh dengan syarat anak itu tidak dalam keadaan berwudhu. Kemudian dia akan melihat teapak tangan kiri anak tersebut, lalu melakarkan garis segi empat. Di sekitar garis ini akan dituliskan beberapa mantera sihir, yang sudah pasti mengandungi unsur kesyirikan. Mantera-mantera tersebut ditulis di semua sisi garis dari segi empat itu. Kemudian diletakkan di telapak tangan anak tersebut, tepat di tengah empat persegi itu "minyak dan bunga berwarna biru" atau "minyak dan dakwat berwarna biru," lalu dia tuliskan mantera lain dengan huruf terpisah di atas kertas persegi panjang, kemudian meletakkan kertas tersebut seperti payung di atas wajah si anak tersebut dan memakaikan topi di atasnya agar tidak lepas. Selanjutnya, anak itu ditutup seluruh badannya dengan kain yang tebal. Dalam keadaan seperti ini, anak kecil tersebut boleh melihat tapak tangannya (karena pengaruh sihir), yang tentunya dia tidak akan dapat melihatnya kerana gelap. Kemudian tukang sihir terlaknat itu akan mulai membaca mantera yang teramat kufur, tiba-tiba anak itu akan merasa seakan-akan menjadi terang benderang dan melihat gambar yang bergerak di teapak tangannya. Lalu si penyihir itu akan bertanya kepada anak itu, "Apa yang kamu lihat?" "Aku melihat gambar seorang

² Yang demikian itu menurut para tukang sihir. Tetapi orang-orang yang melakukan pengobatan dengan al-Quran, sihir tersebut dapat dihilangkan seketika berkat kurnia Allah Yang Maha besar lagi Mahatinggi.

lelaki di hadapanku,” jawab anak itu. “Katakan kepada orang itu, tuanmu berkata kepadamu dengan memerintahkan ini dan itu,” papar si penyihir itu. Maka gambar itu pun bergerak sesuai perintah. Seringkali cara ini dipergunakan untuk mencari sesuatu yang hilang. Tidak tertutup lagi bahwa dalam cara ini mengandung kemusyrikan dan kekufuran serta mantra-mantra yang tidak dapat dipahami.

8. Memanfaatkan Benda-Benda Bekas (Al-Atsar)

Menurut cara ini, si penyihir akan meminta, beberapa barang bekas pakai dari si pesakit, seperti sapu tangan, penutup kepala, baju atau kain yang masih berbau peluh si pesakit. Kemudian ahli sihir itu akan mengikat hujung sapu tangan itu, lalu mengukurnya sepanjang empat jari dan sapu tangan itu dipegang dengan kuat, lalu dibacakan surat at-Takaatsur atau surat pendek lainnya dengan suara keras. Selanjutnya ahli sihir membacakan mantera yang berbau syirik secara perlahan. Kemudian memanggil jin seraya berkata, “Jika penyakit yang dideritanya itu disebabkan oleh jin, maka pendekkanlah sapu tangan itu. Dan jika penyakit itu akibat kedengkian, maka panjangkanlah sapu tangan itu. Dan jika penyakit itu termasuk dari bagian sakit hospital, maka hendaklah kalian membiarkan sebagaimana wujudnya. Kemudian ahli sihir itu akan mengukurnya sekali lagi. Jika dia mendapatkan sapu tangan itu terlalu panjang, melebihi empat jari, maka ahli sihir itu akan mengatakan, “Anda terkena penyakit dengki.” Dan jika sapu tangan itu pendek, maka dia akan mengatakan, “Anda telah dirasuki jin.” Dan jika dia mendapatkan sapu tangan itu seperti adanya, empat jari, maka dia akan mengatakan, “Tidak ada masalah dengan diri anda. Silahkan anda berjumpa doktor.”

Tanda-Tanda Ahli Sihir

1. Bertanya nama pesakit dan nama ibunya.
2. Mengambil salah satu benda-benda bekas milik pesakit atau mangsa.
3. Meminta haiwan tertentu dengan sifat tertentu untuk disembelih kepada jin.
4. Menuliskan rajah.
5. Membaca mantera-mantera yang hanya dapat difahami ahli sihir.
6. Memberikan azimat dalam bentuk rajah yang terdiri daripada bentuk huruf-huruf abujad dan nombor-nombor atau simbol-simbol tertentu.

7. Memerintahkan pantang-larang tertentu seperti menyepi di dalam ruangan gelap dan tidak dimasuki matahari, tidak menyentuh air selama masa tertentu biasanya 40 hari.
8. Memberikan barang-barang tertentu untuk ditanam di dalam tanah.
9. Memberikan lembaran-lembaran kertas untuk dibakar dan dihidu asapnya.
10. Terkumat-kamit membaca sesuatu yang tidak dapat difahami.
11. Mampu meneka dengan benar tentang diri pesakit dan tujuan kedatangannya.
12. Menuliskan untuk pesakit huruf-huruf potongan di atas kertas atau diatas piring putih lalu memerintahkan pesakit untuk melarutkan dan meminumnya.

Jika anda sudah tahu bahawa seseorang itu adalah penyihir maka jangan sekali-kali mendatanginya. Bila anda degil maka anda telah termasuk dalam sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ عَرَّافًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ

"Barangsiapa yang mendatangi bomoh atau ahli nujum, lalu ia membenarkannya, maka ia telah kufur pada Al Qur'an yang telah diturunkan pada Muhammad." (HR. Ahmad no. 9532. Syaikh Syu'aib Al Arnauth mengatakan bahwa hadits ini hasan)

Kafir di sini maksudnya kafir kecil yang tidak mengeluarkan dari Islam, dengan dalil shalatnya tidak diterima 40 hari. Karena seandainya kafir besar yang mengeluarkan dari Islam, maka shalatnya seumur hidupnya tidak diterima, wallâhu a'lam.

JENIS-JENIS ILMU SIHIR

1. Sihir Tafriq

Misi utama sihir ini adalah untuk menceraiberaikan, menggagalkan atau menghancurkan harmonisasi sebuah hubungan sosial manusia, baik antara ayah dan ibu-bapaknya, akad bisnis-jual beli atau perniagaan, hingga menceraikan pasangan suami istri yang sah.

Ciri-ciri korban sihir ini:

- Perubahan sikap yang drastik, dari suka jadi benci, membenci dan mencurigai semua orang yang menolongnya, pembatalan sepihak dalam akad jual beli.

- Terjadi perselisihan, pertikaian, pertengkaran dalam rumah tangga disebabkan hal kecil, suami-istri tidak nyaman dirumah, suasana rumah menjadi panas.

2. Sihir Mahabbah

Sihir Mahabbah (Sihir Cinta) adalah semua sihir yang berkaitan dengan masalah cinta, di Malaysia dikenal sebagai ilmu pengasih dan pugai, di Jawa dikenal dengan Asihan atau Pelet, di Sulawesi dikenal sebagai Sihir Guna-guna. Sihir ini bekerja untuk memunculkan rasa cinta yang berlebihan terhadap korban sihirnya. Semisal seorang isteri yang ketakutan suaminya beristeri lagi, atau agar suami/istri semakin cinta terhadap pasangannya, atau seorang laki-laki menyihir seorang wanita agar mencintainya atau semakin mencintainya dan sebaliknya, hingga ia pergi ke dukun untuk menyihirnya atau melakukan sihir sendiri dengan ritual tertentu. Kadang-kadang pelaku sihir tidak tahu bahaya apa yang akan terjadi pada pasangannya.

Ciri-Ciri Korban Sihir Mahabbah:

- Rasa cinta/ketertarikan/kerinduan seksual yang menggebu-gebu dan tidak boleh ditahan ingin segera melihat, bertemu dan berhubungan seksual dengan si penyihir.
- Rasa sakit berpanjangan; seperti pening, sakit di bahu, perut, sehingga alergi yang luar biasa.
- Rasa benci kepada semua orang (lawan jenis) kecuali orang yang menyihirnya.

3. Sihir Gila

Sihir Khumul (Sihir Gila) ini bekerja mengacaukan fikiran (otak) manusia, dalam keadaan teruk boleh menimbulkan kegilaan kerana jin bersarang di otaknya.

Ciri-ciri Korban sihir Gila:

- Hilang keyakinan diri, suka menyendiri dan mengasingkan diri, benci keramaian, banyak diam, bingung, sedih, gundah, dan cemas berlebihan.
- Sakit dibagian kepala yang terus menerus dibagian, biasanya selepas ashar.
- Suka bercakap sendiri, kehilangan akal dan pelupa.
- Tidak nyaman disuatu tempat, sering berpindah-pindah.

4. Sihir Hawatif

Sihir Hawatif (sihir bisikan) ini merupakan salah satu penyebab penyakit kegilaan, jin-jin yang dikirim mengganggu pendengaran korban dengan membisikinya dengan sesuatu yang menakutkan atau suara-suara orang yang dikenalnya yang sebenarnya tidak ada.

Ciri-ciri korban sihir Hawatif:

- Sering mimpi menyeramkan, mimpi seseorang memanggil-manggil namanya dan mimpi jatuh dari tempat tinggi.
- Mendengar suara-suara yang tidak terlihat bendanya yang seakan berbicara dengannya dalam keadaan sadar atau setengah sadar.
- Was-was berlebihan (terutama dalam berwudhu), ragu dan curiga berlebihan terhadap orang-orang yang sebelumnya teramat dicintainya.
- Berdengung ditelinga.

5. Sihir Jilb At-Tahyil

Sihir Jalb wat-Tahyij (sihir pengundang dan pengendali) ini adalah sihir jahat yang menyerang gadis-gadis muslimah, sihir ini mampu mengundang dan mengendalikan/menarik wanita untuk berjalan ke rumah dukun atau penyihirnya.

Ciri-ciri korban sihir ini:

- Rasa panas di bagian vagina dan dada.
- Selalu terbayang wajah seseorang, memanggil-manggil namanya dengan penuh kerinduan dan adanya kekuatan yang mengendalikan/mengubah keinginannya untuk berjalan menuju rumahnya.
- Perubahan emosi yang drastis, membantah pada ayah atau ibu bahkan pada suami jika wanita tersebut sudah menikah.
- Dalam beberapa kasus yang ditemui; seorang gadis setiap pulang kerja mengajar pulang ke rumah dukun dan baru pulang kerumah jam 9 malam dengan kondisi badan memar-memar bekas siksaan. Kasus lain seorang ibu muda pergi meninggalkan suami dan dan anak kecilnya di jakarta, menuju rumah dukun dan tinggal disana dan dikembalikan setelah 3 bulan jadi mangsa.
- Menjadi liar (hypersex) jika tidak bertemu dengan si ahli sihir atau ahli sihir telah mati. Naudzubillah, kejahatan syaitan ini benar-benar ada.

6. Sihir Ta'til Az-Zawwaaj

Sihir ta'thiil az-zawwaaj (Sihir penghalang Jodoh) ini bekerja menghalangi jodoh baik dengan masuk kedalam tubuh muslimah ataupun mengintai dan mengubah pandangan setiap lelaki yang mendatangi untuk melamarnya.

Sihir ini merupakan penyebab banyaknya para wanita muslimah yang menikah di usia tua (diatas 30 sampai 35 atau lebih hingga 55 tahun). Sihir ini juga menjadi bahagian terbesar dalam terjadinya perceraian di negeri ini. Karena jika wanita tersebut berhasil menikah, rumah tangganya dibuat tidak tentram.

Ciri-ciri korban sihir ini:

- *Pening atau migrain sepanjang waktu dan tidak dapat sembuh dengan obat.*
- *Melihat lawan jenis yang datang seperti buruk rupa dan perangnya.*
- *Sesak nafas, atau rasa sesak di dada dari asar hingga malam.*
- *Gelisah saat tidur, insomnia, perih di rahim/lambung dan punggung bawah.*
- *Banyak berfikir negatif.*

7. Sihir Maridh/Sakit

Sihir Maridh (Sihir Sakit) ini bekerja menyakiti secara terus menerus di salah satu anggota badan, menyumbat saraf, lumpuh di salah satu organ tubuh dan tidak berfungsinya salah satu pancaindera secara terus menerus atau bertahun.

Biasanya jin yang dikirim masuk ke otak, tinggal menetap disalah satu pusat kawalan otak dan mengawalnya.

Semisal di pendengaran, penglihatan atau saraf-saraf pusat seperti kaki atau tangan yang menyebabkan buta, lumpuh, tuli, atau bisu baik sementara atau terus menerus.

Keadaan lain, jin mencegah setiap ransangan yang masuk pada otak dan yang mengakibatkan hilangnya imuniti atau tidak ada tindakan apapun dari otak yang disebut sakit atau lumpuh pada bagian tubuh tertentu.

Ini semua tentu atas izin Allah;

وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ

"Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudarat dengan sihirnya kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah" (Al Baqarah 112)

8. Sihir Nadzif

Sihir Nadzif (sihir Pendarahan) ini terjadi pada wanita. Cirinya ia sering mengalami pendarahan setelah darah haid yang rutin terhenti, kadang sampai satu bulan. Cara kerja jin ini sangat jahat, ia masuk kedalam tubuh dan berjalan melalui darah seperti yang di sabdakan Rasulullah صلى الله عليه وسلم. Setelah jin mencapai rahim maka ia meloncat sehingga pembuluh darah pecah dan menimbulkan pendarahan.

Banyak kasus pendarahan dan keguguran berulang atau sakit saat haid yang berlebih yang sembuh dengan Ruqyah Syariyyah atau syaitan yang mengganggunya keluar saat diruqyah. Kondisi paling parah, pernah ada korban sampai 20 kali pembalut dan alhamdulillah sembuh dan berhenti total setelah diruqyah. Ini tidak heran karena Rasulullah صلى الله عليه وسلم pernah bersabda ketika ditanya Hamnah binti Jahsy tentang Istihadoh (pendarahan);

.إنما هي ركضة من الشيطان

“Sesungguhnya istihadoh itu adalah goncangan diantara goncangan-goncangan syaitan”. (Hr. At Thurmudzi) dalam redaksi Imam Ahmad dan An Nasa’i, Rasulullah Bersabda; “Itu hanya (pendarahan) otot di (dalam) rahim) dan bukan Haid”.

9. Sihir Rabth

Sihir Rabth (sihir Ikatan) ini adalah sihir yang bekerja pada organ vital/seksual laki-laki atau perempuan sebagai usaha untuk merosakkan hubungan suami isteri, sehingga bercerai.

Syaikh wahid Abdussalam Bali menuliskan ada 5 jenis sihir Ikatan ini:

- a. Sihir Ikatan Halangan: Sihir ini biasanya terjadi pada wanita. Istri tidak dapat dicampur oleh suaminya dengan berbagai alasan yang tidak dikehendaki oleh isteri, dalam keadaan yang teruk kedua paha isteri terkunci ketika mahu melakukan hubungan suami isteri.
- b. Sihir Ikatan Hilang Rasa; Sihir ini juga boleh bekerja pada sistem penerima rangsangan di otak wanita, sehingga korbannya tidak menikmati hubungan suami isteri atau merasa hambar selama bertahun-tahun berhubungan suami isteri.

- c. Sihir Ikatan Pendarahan: Sihir ini terjadi pada wanita (isteri), jin bekerja di rahim wanita (menarik otot di rahim) atau meloncat secara tiba-tiba keluar dari aliran darah yang di ikutinya hingga menimbulkan pendarahan hebat di waktu-waktu jimak, sehingga isteri menganggap itu adalah Haid.
- d. Sihir ikatan Sumbat; Sihir ini terjadi pada wanita, saat mau melakukan hubungan seksual tiba-tiba ada daging yang menghalangi sehingga tidak terjadi proses "hubungan".

10. Sihir 'Adamul Injab

Sihir 'Adamul Injab (Sihir Mandul) ini telah terjadi sejak masa Rasulullah ﷺ masih hidup dan mulai hijrah ke Madinah. Seperti dikisahkan Ibn Katsir rahimahullah, saat itu ummat muslim bergembira atas kelahiran Ibn Az-Zubair dengan selamat setelah sebelumnya kaum yahudi mengancam akan menyihir kaum muhajirin agar mereka tidak memiliki keturunan, namun Allah membela hamba-hamba-Nya.

Jin suruhan tukang sihir biasanya bekerja memakan/merusak hormon pada lelaki atau merosakkan janin di rahim wanita.

Ciri-Ciri:

- Keguguran berulang-ulang tanpa disebabkan penyakit medis.
- Sakit berkepanjangan disekitar rahim.
- Tidak dapat keturunan setelah nikah bertahun-tahun padahal doktor menyatakan bahawa suami-isteri subur.
- Terdapat tanda-tanda gangguan sihir dan jin pada isteri.

CARA MENANGKAL SIHIR

Allah SWT telah mensyaritkan keada hamba-hambaNya beberapa perkara yang dapat melindungi diri dari kejahatan sihir sebelum terjadi pada diri mereka. Allah juga telah menjelaskan tentang bagaimana cara pengobatan sihir bila telah terjadi. Al inimerupakan rahmat, kebaikan dan kesempurnaan nikmat Allah kepada mereka.

Berikut ini adalah penjelasan tentang cara menjaga diri daripada bahaya sihir sebelum terjadi, dan cara pengobatan sihir bila telah terjadi dengan cara-cara yang dibolehkan menurut hukum syariat:

A. Sebelum Terjadi

1. Membaca ayat kursi setiap selepas solat lima waktu dan ketika mahu tidur. Syaikh Bin Bâz rahimahullah menjelaskan kehebatannya dengan berkata: "Ayat ini sangat agung dan memiliki keutamaan dalam kitab Allah Subhanahu wa Ta'ala. Karena mengandung tauhid dan keikhlasan kepada Allah I , serta menerangkan tentang kebesarannya. Bila seseorang membaca ayat ini setiap selesai shalat, maka ia akan menjaganya dari setiap kejahatan, begitu pula jika membacanya ketika tidur".

Di dalam sebuah hadits riwayat Bukhari:

إِذَا أُوْبِتَ إِلَى فِرَاشِكَ فَاقْرَأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ لَنْ يَزَالَ مَعَكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا

يَقْرُبُكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ

..."Apabila engkau menuju ke tempat tidurmu (mahu tidur) maka bacalah ayat Kursi, kerana (dgn membacanya) akan sentiasa bersamamu malaikat dari Allah yang menjagamu, dan syaitan tidak akan mendekatimu hingga ke pagi..."

2. Membaca surat surat Al-Ikhlâs, surat Al-Falaq, dan surat An-Naas pada setiap selesai solat lima waktu, dan membaca ketiga surat tersebut sebanyak tiga kali pada pagi hari sesudah solat Subuh, dan sesudah solat Asar serta menjelang malam sesudah solat Maghrib.
3. Membaca dua ayat terakhir daripada surat Al-Baqarah pada permulaan malam.
4. Memperbanyak membaca doa:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

"Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna, dari kejahatan ciptaan-Nya."(HR. Ahmad)

Ketika singgah disuatu tempat, baik ketika masuk ke dalam suatu bangunan, hutan, di udara ataupun laut. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barang siapa yang singgah pada suatu tempat kemudian dia berdo'a: 'A'AUUDZU BI KALIMAATILLAHIT TAAMMATI MIN SYARRI MAA KHALAQ (Aku

berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dari kejelekan apa saja yang Dia ciptakan), ' niscaya tidak akan ada yang membahayakannya hingga di pergi dari tempat itu."HR. Muslim no. 2708 dan yang lainnya.

5. Membaca doa:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

"Dengan nama Allah yang tidak memberi mudharat akan sesuatu yang dibumi dan yang dilangit (selagi) bersama dengan Nama-Nya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (Riwayat Abu Daud, At-Tirmizi dan Ahmad)

Bacaan-bacaan zikir dan ta'awudz ini merupakan salah satu sebab terbesar untuk melindungi diri daripada kejahatan sihir atau kejahatan lainnya; iaitu bagi mereka yang selalu mengamalkannya secara benar disertai keimanan, keyakinan yang mantap dan bertumpu kepada Allah, serta menerima dengan lapang akan makna yang dikandung oleh bacaan-bacaan tersebut.

B. Selepas Terjadi

Kedua: Bacaan-bacaan seperti ini juga merupakan senjata ampuh untuk menghilangkan sihir yang sedang menimpa seseorang, dibaca dengan hati yang khusyu', tunduk dan merendahkan diri, seraya memohon kepada Allah agar dihilangkan bahaya dan malapetaka yang dihadapi. Do'a-do'a berdasarkan riwayat yang kuat dari Rasulullah untuk menyembuhkan penyakit yang disebabkan oleh sihir dan lain sebagainya adalah sebagai berikut:

1. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam me-ruqyah (mengobati dengan membaca ayat-ayat Al-Qur'an atau do'a-do'a) sahabat-sahabatnya dengan bacaan :

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ مُذْهِبِ الْبَاسِ اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا

"Ya Allah Wahai Tuhan segala manusia, hilangkanlah penyakitnya, sembukanlah ia. (Hanya) Engkau yang dapat menyembuhkannya, tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan dariMu, kesembuhan yang tidak kambuh lagi." (HR. Bukhari, no. 5742; Muslim, no. 2191)

2. Do'a yang dibaca Jibril , ketika meruqyah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam:

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ اللَّهُ يَشْفِيكَ

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ

(Dengan menyebut nama Allah, aku membacakan ruqyah untukmu dari segala sesuatu yang mengganggu dari kejahatan setiap jiwa dan pengaruh 'ain. Semoga Allah menyembuhkanmu)." (HR. Muslim no. 2186)

3. Pengobatan sihir cara lainnya, terutama bagi laki-laki yang tidak dapat berjimak dengan istrinya karena terkena sihir. Yaitu, ambillah tujuh lembar daun bidara yang masih hijau, ditumbuk atau digerus dengan batu atau alat tumbuk lainnya, sesudah itu dimasukkan ke dalam bejana secukupnya untuk mandi; bacakan ayat Kursi pada bejana tersebut; bacakan pula surat Al-Kafirun, Al-Ikhlash, Al-Falaq, An-Naas, dan ayat-ayat sihir dalam surat Al-A'raf ayat 117-119, surat Yunus ayat 79-82 dan surat Thaha ayat 65-69. Setelah selesai membaca ayat-ayat tersebut di atas hendaklah diminum sedikit airnya dan sisanya dipakai untuk mandi.) Dengan cara ini mudah-mudahan Allah Subhanahu wa Ta'ala menghilangkan penyakit yang sedang dideritanya.
4. Cara pengubatan lainnya, sebagai cara yang paling bermanfaat ialah berupaya mengerahkan tenaga dan usaha untuk mengetahui di mana tempat sihir terjadi, di atas gunung atau di tempat manapun ia berada, dan bila sudah diketahui tempatnya, diambil dan dimusnahkan sehingga lenyaplah sihir tersebut.

PENUTUP

Inilah beberapa penjelasan tentang perkara-perkara yang dapat menjaga diri dari sihir dan usaha pengobatan atau cara penyembuhannya, dan hanya kepada Allah kita memohon pertolongan.

Adapun pengobatan dengan cara-cara yang dilakukan oleh para ahli sihir, iaitu dengan mendekati diri kepada jin disertai dengan penyembelihanai, atau cara-cara

mendekatkan diri lainnya, maka semua ini tidak dibenarkan karena termasuk perbuatan syirik paling besar yang wajib dihindari.

Demikian pula pengobatan dengan cara bertanya kepada dukun/bomoh/pawang (kahin), 'arraaf, (ahli nujum) dan menggunakan petunjuk sesuai dengan apa yang mereka katakan. Semua ini TIDAK dibenarkan dalam Islam, karena dukun/bomoh/pawang/ ahli nujum tersebut tidak beriman kepada Allah; mereka adalah pendusta dan pembohong yang mengaku mengetahui hal-hal ghaib, dan kemudian menipu manusia.

Rasulullah SAW telah memperingatkan orang-orang yang mendatangi mereka, menanyakan dan membenarkan apa yang mereka katakan, sebagaimana telah dijelaskan hukum-hukumnya di awal tulisan ini.

Kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kita memohon, agar seluruh kaum muslimin dilimpahkan kesejahteraan dan keselamatan dari segala kejahatan, dan semoga Allah melindungi mereka, agama mereka, dan menganugerahkan kepada mereka pemahaman dan agamanya, serta memelihara mereka dari segala sesuatu yang menyalahi syari'atnya.

RUJUKAN

- Ash-Shaarimul Battaar Fit Tashaddi Lis Saharatil Asyraar, Wahid bin Abdissalam Baali
 Risalah fi Hukm as-Sihr wa al-Kahanah, Syeikh Abdul Aziz bin Baz
 Alam As-Sihri wa Asy- Sya'wadzah, Syeikh Dr. Sulaiman Al-Asyqar
 50 Tutorial Ruqyah Mandiri, Ustaz Nuruddin Al-Indunissy (Rehab Hati)
 Ruqyah Asas Pengobatan Islam, Alm. Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din (Darus Syifa')
 Merisik Strategi Makhluk Jin, Ustaz Sharhan Safie (Sinar Zamdurani)
 Kaedah Ruqyah Syariyyah Umum, Ustaz Abbas Anas Buraera (Yayasan Nurus Sunnah Surabaya)
 Jampi Jelmaan Al-Qur'an dan Hadis, Ustaz Malik Faisal (Persatuan Perubatan Islam Ruqyah Syariyyah Bahagian Bintulu/ Martabat)
 Ighatsatul Lahfan, Ibnu Qayyim Al-Jauziyah
 Kitabut Tauhid, Syeikh Muhammad At-Tamimi
 Fathul Majid Syarh Kitabut Tauhid, Syeikh Abdur Rahman Hasan Alu-Syeikh